

**NO. SOALAN: 107**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
[PAYA BESAR]**

**TARIKH : 25 MEI 2016**

**SOALAN : 107**

**Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ] minta PERDANA MENTERI menyatakan statistik pelarian dan pencari suaka politik di bawah Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR) Malaysia di antara tahun 2010 hingga 2016.**

**JAWAPAN: YB DATO` SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik pelarian dan pencari suaka politik di bawah Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR) Malaysia di antara tahun 2010 hingga 2016 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah
2010	91,985
2011	96,691
2012	101,081
2013	140,982
2014	151,469
2015	156,342
2016 (sehingga April)	154,148

Sekian. Terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN  
HAJI IBRAHIM  
[KUALA SELANGOR]**  
**TARIKH** : **25.05.2016 (RABU)**  
**SOALAN** : **108**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan:-

- (a) apakah perkembangan terkini program Rural Business Challenge (RBC) 2016; dan
- (b) bilangan usahawan yang berjaya di bawah program Rural Business Challenge (RBC) yang telah dijalankan sepanjang pelaksanaannya.

**JAWAPAN:**

Tuan yang Dipertua, *Rural Business Challenge* (RBC) merupakan program berbentuk pertandingan penyediaan Rancangan Perniagaan (RP) di kalangan belia Malaysia. Penganjuran pertandingan RBC telah membantu memperkasakan sektor keusahawanan belia di luar bandar dengan meningkatkan pendapatan sedia ada, di samping membuka peluang-peluang pekerjaan baru kepada masyarakat setempat dan usahawan tempatan.

Melalui Pertandingan RBC, usahawan belia yang mengemukakan rancangan perniagaan yang berdaya maju dan menguntungkan akan dipilih untuk dianugerahkan dengan hadiah kemenangan berbentuk geran perniagaan serta kemudahan pembiayaan bagi membiayai pelaksanaan projek pemenang untuk mengembangkan perniagaan sedia ada di bawah seliaan pihak Kementerian.

Pertandingan Rural Business Challenge kini telah memasuki tahun kelima penganjuran dan bagi tahun 2016, penyertaan bagi pertandingan baru sahaja dibuka pada 16 Mei 2016 sehingga 15 Jun 2016. Bagi menggalakkan penyertaan lebih ramai belia menyertai pertandingan ini, penggunaan Business Model Canvas (BMC) yang lebih ringkas dan menarik diperkenalkan pada tahun ini sebagai medium saringan bagi menggantikan penggunaan Rancangan Perniagaan (RP) yang hanya akan dinilai pada peringkat seterusnya sekiranya layak.

Kementerian dari semasa ke semasa mempromosikan Program RBC melalui pelbagai agensi persekutuan/negeri agar maklumat mengenai Program ini dapat disampaikan kepada usahawan di bawah bimbingan agensi tersebut. Kerjasama di antara agensi ini merupakan antara faktor penting yang membantu menjayakan Program RBC ini.

Untuk makluman YB Kuala Selangor, sehingga kini RBC telah melahirkan sebanyak 77 usahawan belia sebagai pemenang RBC dan bagi pemenang 2013 setelah setahun pelaksanaan projek, telah meningkatkan pendapatan mereka secara purata sebanyak 106.6%, mewujudkan 221 peluang pekerjaan baru serta secara tidak langsung telah mewujudkan 132 usahawan baharu hasil daripada limpahan manfaat program ini.